


Pertarungan oleh Amron Omar

Saya masih ingat sekitar tahun 2014, saya bersama seorang rakan telah berjumpa dengan seniman ini secara peribadi di studio ARTI milik beliau di Kuala Lumpur. Mengenalinya merupakan satu pengalaman yang hebat kerana saya bukanlah seorang peminat tegar akan karya-karya figuratif. Akan tetapi setelah mengenalinya bersama karyanya telah membuka mata untuk berkongsi keistimewaan karya beliau.

Amron Omar, suatu nama yang tidak asing lagi di dalam arena seni visual negara selama lebih 30 dekad. Karya beliau yang cukup terkenal adalah lukisan figuratif seni mempertahankan diri iaitu seni silat. Anak bongsu daripada 13 orang adik beradik ini dilahirkan pada 24 Januari 1957 di Alor Star, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1976 sehingga 1980 (kini Universiti Teknologi MARA). Amron telah banyak menyertai pameran-pameran seni secara berkumpulan mahupun perseorangan. Antara pameran seni yang disertai adalah *Contemporary Asian Art Show* (1980) di Muzium Seni Fukuoka, Jepun, *Contemporary Paintings of Malaysia* (1988) di Los Angeles, California, *National Open Show* (1984-1985) di Balai Seni Negara, Kuala Lumpur, dan *Imagining the Contemporary Body* (1996) di Galeri Petronas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1985, beliau telah memenangi anugerah perak di Pameran Asia Seni Sime Darby, Kuala Lumpur.



Rajah 1: Amron Omar di studio beliau.



Rajah 2: Amron Omar (1980). *Pertarungan II*, Cat Minyak atas Kanvas, 182cm x 164cm, Koleksi Balai Seni Negara, Kuala Lumpur.

Karya berbentuk menegak bersaiz 182cm x 164cm ini merupakan karya *Pertarungan II* yang telah dihasilkan oleh Amron Omar pada tahun 1980 dengan menggunakan cat minyak di atas kanvas. Saya dapat melihat karya ini semasa mengunjungi pameran perseorangan beliau iaitu 'Pertarungan' di Balai Seni Negara pada tahun 2012. *Pertarungan* dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud pertandingan dalam sukan, peraduan atau perlawanan. Ia juga merupakan suatu perbuatan atau hal bertarung.

Karya di atas menunjukkan pergerakan atau posisi dua figura lelaki yang sedang bertarung atau bersilat. Mereka bertubuh tegap, tidak berbaju dan berseluar panjang (atau mungkin juga berkain sarong). Urat-urat tampak timbul dan jelas kelihatan pada anggota badan mereka. Pelukis berkemungkinan berada di tempat yang tinggi seperti di tangga atau di beranda rumah disebabkan kedudukan pesilat itu dilihat dari sudut atas. Bayang-bayang juga jelas kelihatan yang menggambarkan pesilat berada di tengah-tengah cahaya lampu di kawasan tersebut.

Warna-warna seperti warna tanah dan warna kekuningan banyak memonopoli karya ini. Penggunaan sapuan kasar dapat dilihat pada permukaan lantai di dalam karya manakala penggunaan sapuan lembut adalah pada anggota badan pesilat bagi menunjukkan urat-urat yang timbul serta mewujudkan kesan ton warna dalam pergerakan mereka. Karya *Pertarungan II* ini diperolehi Balai Seni Negara secara belian daripada pelukis.

Menurut Alizam Hassan, Amron telah memulakan siri *Pertarungan* dengan lukisan berjudul 'Silat' pada tahun 1979, semasa menuntut di ITM, Shah Alam. Amron dibesarkan dalam persekitaran dunia silat. Ayahnya ialah seorang yang mahir bersilat dan kesemua abangnya juga terlibat dalam seni silat. Sejak zaman kanak-kanaknya, Amron telah membuat lukisan pergerakan tubuh manusia dalam pertempuran. Beliau melukis pergerakan badan untuk menunjukkan langkah dan posisi manusia semasa bersilat. Dalam budaya Melayu, mereka percaya silat dapat menjadikan seseorang lebih kuat dan berkuasa, pada masa yang sama silat dapat meningkatkan keyakinan diri. Menurut Mohd Iruadee Husin, silat adalah bentuk seni bela diri orang Melayu yang terkenal dan berdaya tahan sehingga ke hari ini. Disamping nilai seni yang tinggi, silat juga dibentuk oleh unsur-unsur spiritual yang berakar pada sifat kepulauan dan ia dekat dihati orang Melayu.

Pada tahun 2012, Balai Seni Negara telah mengangkat beliau sebagai artis solo bagi pameran perseorangan iaitu *Pertarungan*. Pameran tersebut telah memaparkan lebih dari 150 karya yang terpilih daripada siri 'Pertarungan' yang berupa karya cat minyak atas kanvas dan lebih dari 500 lukisan figura di atas kertas juga tisu.



Rajah 3: Antara koleksi Amron Omar iaitu lakaran figura bersilat di atas tisu. Gambar dirakam oleh penulis (S.K.F.S).



Rajah 4: (Kiri) Krayon yang digunakan dalam penghasilan karya. (Kanan) Krayon koleksi peribadi Amron Omar.

Penghasilan karya yang baik boleh memberi impak yang besar kepada sesiapa yang melihatnya. Itu yang dirasai oleh saya kerana karya pertarungan Amron Omar juga dapat menyedarkan kita mengenai nilai-nilai yang baik. Ia ibarat jihad di mana ianya merupakan suatu usaha untuk melawan diri dari sifat-sifat jahat atau kemalasan (pertarungan diri). Karya-karya beliau mempunyai nilai estetika yang tersendiri kerana ia bukan hanya untuk diteladani tetapi juga untuk difahami apa yang tersirat.

Rujukan

Amron Omar: Paintings on Studies in Silat. Diambil dari <http://silat-melayu.blogspot.my/2007/11/amron-omar-paintings-on-studies-in.html> pada 31 Ogos 2017

_____. (2012). *PERTARUNGAN AMRON OMAR*. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.

(n.d.). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu.* Diambil dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pertarungan&d=112592&#LIHATSINI> pada 31 Ogos 2017

(n.d.). *Inventori Koleksi Seni Visual Negara Dari Tahun 1958-2016*. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.